



**GARIS PANDUAN  
PENGURUSAN KUNCI BILIK KELAB/PERSATUAN  
PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR (PHEP)**

**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**DILULUSKAN  
MESYUARAT JAWATANKUASA EKSEKUTIF  
KEPIMPINAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI**

**BIL. 1/2020 PADA 30 JANUARI 2020**



**GARIS PANDUAN**  
**PENGURUSAN KUNCI BILIK KELAB/PERSATUAN**  
**PEJABAT HAL EHWAL PELAJAR (PHEP)**  
**UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

**1.0 TUJUAN**

Garis Panduan Pengurusan Kunci Bilik Kelab/Persatuan ini disediakan untuk rujukan semua pelajar Universiti dalam pengurusan kunci bilik kelab/persatuan yang berdaftar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

**2.0 PERATURAN PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN KUNCI**

2.1 Peraturan peminjaman dan pemulangan kunci bilik kelab/persatuan adalah seperti dalam **Jadual** berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Perkara</b>	<b>Peraturan</b>
1	<b>Kelayakan</b>	Penggunaan bilik kelab/persatuan hanya terhad kepada kelab/persatuan yang berdaftar di Universiti.
2	<b>Penyimpanan</b>	Setiap anak kunci bilik kelab/persatuan perlu disimpan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP). Anak kunci pendua tidak dibenarkan sama sekali.

Bil.	Perkara	Peraturan
3	<b>Tatacara Pengambilan/ Pemulangan Kunci</b>	<p>Anak kunci hendaklah diambil/dikembalikan dari/ke PHEP dalam waktu pejabat. Sekiranya dipulangkan selepas waktu pejabat, anak kunci hendaklah diserahkan sementara ke Pos Pengawal dan dipulangkan semula oleh pelajar ke PHEP.</p> <p>Pengambilan anak kunci hanya boleh dibuat oleh ahli jawatankuasa kelab/persatuan.</p>
4	<b>Aset/Inventori</b>	Tidak mengalihkan perabot yang disediakan oleh Universiti dari tempat asalnya.
5	<b>Syarat-Syarat dan Peraturan</b>	<p>Mengamalkan langkah-langkah penjimatan elektrik iaitu dengan memastikan semua punca kuasa elektrik dimatikan sebelum meninggalkan bilik.</p> <p>Melaporkan sebarang kerosakan perabot dan peralatan elektrik kepada PHEP dengan kadar segera.</p> <p>Tidak dibenarkan membawa sebarang peralatan elektrik tanpa kebenaran PHEP kecuali peralatan ICT.</p> <p>Tidak melakukan sebarang ubahsuai pada bilik kelab/persatuan tanpa kebenaran PHEP.</p>

Bil.	Perkara	Peraturan
		Tidak dibenarkan memasang langsir, <i>tinted</i> atau menutup ruang yang berkaca/ <i>transparent</i> .
		Menjaga kebersihan dalam bilik kelab/persatuan dan kawasan sekitarnya.
		Tidak menggunakan bilik kelab/persatuan untuk kepentingan peribadi.
		Tidak dibenarkan berdua-duaan antara lelaki dan perempuan atau berkelakuan yang boleh menimbulkan syak dalam bilik kelab/persatuan.
		Tempoh penggunaan bilik kelab/persatuan adalah sehingga jam 12.00 malam.
		Tidak menyimpan barang-barang berharga di dalam bilik kelab/persatuan. Sekiranya berlaku kecurian atau kehilangan, PHEP tidak akan bertanggungjawab di atas kehilangan barangan tersebut.
		Tidak menjalankan aktiviti yang melanggar peraturan Universiti yang berkuatkuasa.
		Menyerahkan semula bilik kelab/persatuan kepada PHEP setelah tempoh penempatan kelab/persatuan tamat.

Bil.	Perkara	Peraturan
		<p>Jika berlaku kehilangan anak kunci, pelajar boleh dikenakan tindakan yang bersesuaian termasuklah tindakan tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (Tatatertib Pelajar) 2009.</p>

### 3.0 TANGGUNGJAWAB PELAJAR

- 3.1 Semua pelajar adalah bertanggungjawab dalam memastikan peraturan ini dipatuhi dan difahami secara bersama.
  
- 3.2 Kegagalan pelajar mematuhi peraturan/garis panduan boleh menyebabkan pihak Universiti mengenakan tindakan tatatertib berdasarkan peraturan dan pekeliling yang berkuatkuasa.